



## SIARAN MEDIA

### **‘TRANSFORMASI BANDAR MASA HADAPAN’ FOKUS UTAMA KE ARAH AGENDA MALAYSIA BERDAYA HUNI**

---

**PUTRAJAYA, 8 NOVEMBER 2022** – YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya pada pagi ini. Program ini merupakan anjuran bersama di antara **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)** dan **Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP)** yang turut disokong oleh **Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)**.

HPBS diraikan bertujuan untuk menghargai sumbangan semua pihak yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan bandar dan desa, khususnya kepada Perancang Bandar dan *Urban Manager* di agensi kerajaan mahupun swasta serta Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

**‘Malaysia Berdaya Huni : Transformasi Bandar Masa Hadapan’** merupakan tema yang diangkat bagi sambutan ini selaras dengan tema *World Urban Forum 11* (WUF11) yang telah diadakan di Katowice, Poland pada bulan Jun 2022. Ini menunjukkan Malaysia komited dalam melaksanakan tindakan deklarasi WUF11 di mana persekitaran bandar dan tempat tinggal perlu beralih dari *incremental shifts* ke *fundamental shift* melalui transformasi bandar. Pemilihan tema ini amat bertepatan dengan Agenda Malaysia Berdaya Huni yang digariskan oleh KPKT ke arah meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat.

Bersempena sambutan ini juga, Persidangan Perancangan Bandar Peringkat Kebangsaan (*National Planning Congress - NPC*) telah diadakan dalam usaha menghimpunkan semua pihak yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pembangunan bandar dan desa. Ia berperanan sebagai platform untuk berdiskusi tentang isu serta hala tuju perancangan di Malaysia bagi 50 tahun yang akan datang di peringkat persekutuan, negeri, tempatan, pihak swasta dan pensyarah - pensyarah dari IPTA.

Dalam majlis sama, YBhg. Datuk KSU KPKT turut menyampaikan **40 anugerah** melibatkan **21 anugerah bagi Penghargaan Bandar Mampan** kepada wakil PBT dan **19 anugerah bagi Anugerah Kejiranan Hijau 2022** kepada peserta dari komuniti kejiranan. Ia merupakan salah satu usaha KPKT melalui PLANMalaysia dalam menghargai sokongan komuniti kepada usaha pembangunan persekitaran kehidupan yang mampan dan inisiatif-inisiatif kejiranan hijau.

Pada tahun ini, sebanyak 127 penyertaan dari Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) di seluruh negara telah diterima bagi menyertai penilaian bandar mampan. Manakala, sebanyak 94 penyertaan pula telah diterima daripada individu, komuniti dan PBT untuk Anugerah Kejiranan Hijau.

Tujuh (7) kategori bagi **Penghargaan Bandar Mampan** ialah:

- i) Kategori Bandaraya;
- ii) Kategori Perbandaran;
- iii) Kategori Daerah;
- iv) Kategori Penghargaan Khas;
- v) Kategori Penghargaan SDG 11;
- vi) Kategori Negeri Sabah; dan
- vii) Pusat Operasi MURNInets Negeri.

Tujuh (7) kategori bagi **Anugerah Kejiranan Hijau** ialah:

- i) Kategori Komuniti Perumahan Bertanah;
- ii) Kategori Komuniti Perumahan Bertingkat;
- iii) Kategori Komuniti Perumahan Kampung;
- iv) Kategori Individu;

- v) Kategori Institusi Awam;
- vi) Kategori Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- vii) Kategori Anugerah Khas KPKT.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa, YBhg. Datin TPr Hajah Noraida binti Saludin, Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Pegawai-pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan, wakil-wakil daripada PBT Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, wakil-wakil Komuniti Tempatan/Persatuan Penduduk, Institusi Pendidikan yang berkaitan dan juga Persatuan-persatuan yang berkaitan.

#KeluargaMalaysia  
#HariPerancanganBandarSedunia  
#MalaysiaBerdayaHuni  
#TransformasiBandarMasaHadapan

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)



**HPBS 2022**  
Hari Perancangan Bandar Sedunia

